

Markah penuh Kertas 2 ialah 110 markah

**Soalan 1**

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi - **20** markah  
 (b) Bahasa - **10** markah

**(a) Isi [20 markah]**

**Nota**

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** perkataan sahaja sebelum diperiksa.  
 (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.  
 (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
<b>Jumlah Markah</b>											<b>20</b>

**Soalan 1 : Rumusan**

<b>Pendahuluan</b>	<b>Markah</b>
<p>Petikan membincangkan faktor-faktor berlakunya obesiti dalam kalangan murid-murid di negara kita/ di Malaysia.</p>	2m
<p>Petikan membincangkan faktor-faktor berlakunya obesiti dalam kalangan murid-murid.</p>	1m
<b>Isi Tersurat</b>	
1. Pengambilan makanan segera.	2m
2. Membabitkan pengambilan makanan berlebihan	2m
3. Kurang melakukan aktiviti fizikal.	2m
4. Pertambahan berat badan ketika ibu mengandung.	2m
5. Pilihan dan jumlah aktiviti fizikal kanak-kanak.	2m
6. Kanak-kanak lebih gemar melakukan aktiviti di dalam rumah	2m
7. Perubahan persekitaran sosial/ kesibukan ibu bapa bekerja	2m
8. Industri makanan menjadikan kanak-kanak sebagai sasaran pemasaran	2m
9. Pengaruh iklan terhadap kanak-kanak	2m
10. Faktor genetik.	2m
<b>Isi Tersirat – langkah-langkah mengawal obesiti</b>	
1. Ibu bapa perlu mengawal pemakanan anak-anak.	2m
2. Ibu bapa membawa anak-anak mengikuti aktiviti kecergasan.	2m
3. Pihak kementerian perlu mengawal perjualan makanan di kantin sekolah.	2m
4. Pihak sekolah mewajibkan murid-murid menjalani pemeriksaan kesihatan.	2m
5. Pihak kementerian menjalankan pemeriksaan kesihatan di sekolah.	2m
6. Pihak swasta bekerjasama mengadakan kempen pengurangan berat badan dalam kalangan murid-murid sekolah.	2m
7. Pihak media menyiarkan iklan tentang cara mengawal berat badan melalui media massa.	2m
8. Sentiasa melakukan aktiviti fizikal	2m
9. Mengamalkan gaya hidup sihat.	2m
<b>Kesimpulan</b>	
<p>Kesimpulannya, masalah obesiti dalam kalangan murid-murid perlu ditangani agar kesihatan mereka tidak terganggu.</p>	2m

**(b) Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 - 20 15 - 17	09 - 10 07 - 09	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas -Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 08 -11	06 - 07 04 - 06	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan -Tanda baca/ejaan juga memuaskan
Lemah	01 - 07	01 - 04	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

**Nota**

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan kurang **120** perkataan, markah tidak dipotong.

[ Markah Bahasa, Maksimum: 10 markah ]

## Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2 (a) : 9 markah  
 Soalan 2 (b) : 9 markah  
 Soalan 2 (c) : 8 markah  
 Soalan 2 (d) : 9 markah

## Perhatian bagi Soalan 2 (a) hingga 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/semurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

## Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

## 1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat / salah	0

## 2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas dan ayat tidak gramatis	0

## 3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/ kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas dan ayat tidak gramatis	0

**Soalan 2(a) : Petikan Umum**

(i) Maksud rangkai kata *peningkatan yang ketara*:

- penambahan yang jelas/ nyata 2m
- ~~per~~ tambah dengan banyak 2m

[ Markah maksimum : 2 markah ]

(ii) Bukti yang menunjukkan masalah obesiti membimbangkan pelbagai pihak:

- p1 - Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (LPKM) menjangkakan sebanyak 30 peratus rakyat akan mengalami obesiti pada tahun ini. 1m
- p2 - Ketua Pegawai LPKM , Dr Yahya Baba berkata, angka itu menunjukkan peningkatan ketara berbanding tahun-tahun sebelum ini 1m
- p3 -Jika kesedaran mengenainya tidak diberi perhatian serius peratusannya mungkin lebih daripada itu 1m
- p4 - Statistik menunjukkan obesiti dalam kalangan dewasa negara ini meningkat mendadak dalam tempoh 10 tahun dari 1996 hingga 2006 1m

[ Markah maksimum : 3 markah ]

(iii) Kesan obesiti terhadap murid-murid:

- p1 - gangguan kesihatan/ cepat berasa penat 1m
- p2 - kesukaran untuk bergerak 1m
- p3 - penyakit kronik – diabetes, paras kolesterol yang tinggi, darah tinggi 1m
- p4 - kesukaran untuk bergiat aktif dalam kokurikulum 1m
- p5 - sukar untuk bergaul dengan rakan sebaya 1m
- p6 - kurang keyakinan diri/ rendah diri 1m
- p7 - kurang tumpuan terhadap pelajaran 1m

[ Markah maksimum : 4 markah ]

**Soalan 2 (b) : Petikan Cerpen**

(i) Doktor meramalkan Pungut tidak boleh hidup lama kerana:

- seluruh organ dalam tubuhnya amat halus dan kecil. 1
- jantungnya kecil, 1
- perutnya kecil, 1
- saluran pernafasannya kecil 1

**[Maksimum : 2 markah]**

(ii) wajar kerana:

- p1 - Mak Timah ingin membela nasib Pungut yang akan dibuang oleh keluarganya 1
- p2 - Mak Timah mempunyai sifat belas kasihan / perikemanusiaan 1
- p3 - Mak Timah rasa bertanggungjawab sebagai jiran tetangga 1
- p4 - Mak Timah simpati atas kecacatan yang dialami oleh Pungut 1
- p5 - Mak Timah mempunyai kesedaran bahawa membunuh dilaknat Allah 1
- p6 - Mak Timah rasa terhutang budi kepada Bibik 1

Tidak wajar kerana:

- p1 - Mak Timah tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Bibik 1
- p2 - Mak Timah sendiri sering sakit-sakit/ tidak sihat 1
- p3 - boleh membebankan Mak Timah 1
- p4 - Mak Timah hidup miskin 1
- p5 - Mak Timah sudah tua 1

**[Maksimum : 3 markah]**

(iii) Perwatakan Mak Timah berdasarkan petikan:

- p1 - sanggup berkorban - Cth:dia tetap menjaga Pungut walaupun dia sering sakit [ 1 + 1]
- p2 - tabah/ sabar/cekal- Cth:dia tabah/sabar/cekal menguruskan kehidupan Pungut yang cacat [ 1 + 1]
- p3 - bertanggungjawab- Cth: Mak Timah menjaga Pungut [ 1 + 1]

**[Maksimum : 2 markah]**

Perwatakan Mak Timah berdasarkan keseluruhan cerpen:

- p1 - prihatin - Cth: Mak Timah prihatin akan nasib Pungut yang akan dibuang oleh keluarganya [1 + 1]
- p2- mempunyai semangat kejiranan-Cth: dia menziarahi Siew Lan yang baru melahirkan anak [1 + 1]
- p2 - mudah simpati- Cth: dia simpati kepada bayi( anak Siew Lan) yang akan dibuang oleh ibu kandungnya sendiri [1 + 1]
- p3 - ikhlas dalam urusan:Cth: dia ikhlas memelihara Pungut.Dia melakukannya kerana Allah dan tidak mengharapkan apa-apa bayaran. [1 + 1]
- p4 - baik hati- Cth: Mak Timah sanggup mengambil Pungut sebagai anak angkat [1 + 1]
- p5 - tegas- cth: Mak Timah tetap mahu memelihara Pungut walaupun anak lelakinya membantah. [1 + 1]

[Maksimum : 2 markah]

**Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Klasik**

i) Maksud rangkai kata:

- binatang / haiwan / fauna yang ganas / liar / berbahaya 2

-hidupan liar yang ganas 2

**[Maksimum : 2 markah]**

ii) Keistimewaan Indera Nata:

p1 - semua mergastua menyebut namanya 1

p2 - Indera Nata terlalu berani 1

p3 - apabila bertemu dengan mergastua yang buas-buas tidak memberi bahaya kepadanya 1

p4 - berani dengan segala binatang 1

p5 - Indera Nata boleh bercakap dengan binatang 1

**[Maksimum : 3 markah]**

iii) ) Caranya :

p1 - mengajarkan rakyat jelata tentang ilmu mempertahankan diri 1

p2 - mempertahankan rakyat jelata daripada serangan musuh 1

p3 - membantu rakyat yang berada dalam kesusahan/ yang dianiaya 1

p4 - mengajak rakyat membina kubu pertahanan/benteng 1

p5 - membantu rakyat membanteras jenayah 1

**[Maksimum : 3 markah]**



**Soalan 2 (d) : Sajak**

(i) Ciri-ciri remaja :

- tidak mudah kecewa/putus asa 1
- mempunyai pendirian 1
- mempunyai keberanian 1
- mempunyai ilmu 1

**[Maksimum : 2 markah]**

(ii) Tindakan :

- menuntut /mendalami ilmu agama 1
- memenuhi masa lapang dengan kegiatan berfaedah 1
- pandai memilih kawan 1
- tidak pergi ke tempat-tempat hiburan 1
- mempunyai hubungan rapat dengan keluarga 1

**[Maksimum : 3 markah]**

(iii) Persoalan

- Kepentingan jati diri dalam jiwa remaja. Remaja perlu bijak memilih cara hidup yang betul 1 + 1
- Keberanian menghadapi cabaran hidup. Remaja mesti berani menghadapi cabaran semasa remaja 1 + 1
- Kepentingan hala tuju dalam hidup remaja. Remaja perlu mempunyai hala tuju yang jelas 1 + 1
- Kepentingan ilmu kepada remaja. Perlu mengisi hidup dengan menuntut ilmu. 1 + 1

Pengisian masa remaja dengan perkara yang bermanfaat. Remaja mengisi hidup dengan perkara yang berfaedah. 1+1

**[Maksimum : 4 markah]**

- Tidak atau kurang jelas (maksudnya, kandungannya, dsb), tidak nyata, samar-samar: definisi novel seperti di atas sangat ~; semua kenangan yang indah itu menjadi ~ dan samar-samar;

*mengaburkan-*

menyebabkan jadi kabur: ~ pandangan seseorang terhadap soal-soal masyarakat; ~ mata rakyat; mengelirukan rakyat (menipu rakyat);

(iii)

*diam*

- tidak bercakap (bersuara dll), senyap: Badri ~ sahaja kerana tidak tahu perkara yang hendak dicakapkan; terbang dalam ~; disingkirkan dengan senyap-senyap;
- tidak bergerak-gerak atau berbuat apa-apa: sedangkan benda yang ~ lagi engkau baling tidak kena, inikan pula benda yang bergerak; ~ tak ~ dengan senyap-senyap, tidak diheboh-hebohkan; ~ macam batang kayu ki tidak bergerak-gerak; ~ membatu ki tidak bercakap-cakap (membisu); ~ ubi lagi kental, ~ besi lagi sentil = bukannya ~ penggali berkarat, melainkan ~ ubi berisi prb diam orang yang berilmu itu berfikir, sementara ~ orang yang bodoh itu sia-sia sahaja; kalau tak bermeriam , baiklah ~ prb orang yang miskin dan lemah itu tidak usahlah banyak kehendak; yang disangka tidak menjadi, yang ~ boleh ke dia prb orang yang bertunangan tetapi akhirnya berkahwin dengan orang lain;

*mendiamkan*

- memperdiamkan; membuat (menjadikan, membiarkan) diam: ibu ~ adikku yang merengek;
- menjadikan tidak bergerak, mematikan untuk seketika (benda bergerak dll): gelora marah itu didiamkannya sahaja;
- tidak mengendahkan (mempedulikan, ambil tahu, dll), tidak menghebohkan: pihak Berikat tidak boleh ~ serangan yang dilakukan oleh pihak Fasis ke atas negara-negara yang kecil; ada pun jika kita perdiamkan perkara ini, nescaya buruk padahnya;

[Maksimum : 6 markah]

## Soalan 3 (b)

- (i) Semua kakitangan awam diseru oleh kerajaan supaya berjimat cermat ketika berbelanja. 2
- ATAU
- Ketika berbelanja, kakitangan awam diseru oleh kerajaan supaya berjimat cermat. 2
- (ii) Sebelum pulang semua lampu dan kipas mesti kamu padamkan. 2
- ATAU
- Semua lampu dan kipas mesti kamu padamkan sebelum pulang. 2
- (iii) Bantuan kewangan sebanyak RM500 dimohon oleh mangsa banjir Kampung Bendang Sepuluh itu daripada ADUN kawasan berkenaan. 2
- ATAU
- Sebanyak RM500 bantuan kewangan dimohon oleh mangsa banjir Kampung Bendang Sepuluh itu daripada ADUN kawasan berkenaan. 2

[Maksimum : 6 markah]

## 3(c)

	Kesalahan Ejaan		Kesalahan Imbuhan	
i	pra-bayar	prabayar	memperkenal	memperkenalkan
ii	diluar	di luar	memegang	berpegang
iii	antara bangsa	antarabangsa	dijalin	terjalin

[Maksimum : 6 markah]

## 3(d)

	Kesalahan bahasa		Kesalahan Istilah/kata	
i	ialah	adalah	berkemampuan	berpendapatan
ii	rumah-rumah	rumah	rebah	tumbang
iii	Lima hakim	Lima orang hakim	mengadili	menghakimi

[Maksimum : 6 markah]

**Perhatian bagi Soalan 3(e)**

1. Beri 2 markah untuk setiap peribahasa yang betul dan tepat.
2. Tolak ½ markah bagi setiap jawapan yang mengandungi kesalahan bahasa (ejaan, imbuhan dan lain-lain).
3. Susunan perkataan dalam peribahasa tidak boleh diubah daripada bentuk asalnya.

**3(e) Peribahasa**

- |       |  |   |
|-------|--|---|
| (i)   | seperti mencurahkan air ke daun keladi | 2 |
| (ii)  | seperti telur di hujung tanduk         | 2 |
| (iii) | pucuk dicita ulam mendatang            | 2 |

**[Maksimum : 6 markah]**

**Soalan 4 : Novel****Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**

- (a) i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.  
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.  
iii) Beri 2 markah bagi setiap tema yang lengkap/jelas.  
iv) Beri 2 markah bagi huraian yang lengkap.  
v) Markah isi maksimum 4 markah.  
vi) Markah bahasa maksimum ialah 3 markah.  
vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.  
Baik : 3 markah  
Sederhana : 2 markah  
Lemah : 1 markah  
viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.

**[Maksimum : 7 markah]**

- (b) i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.  
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.  
iii) Beri satu markah untuk pernyataan latar tempat bagi setiap novel.  
iv) Beri dua markah untuk setiap huraian yang lengkap/jelas bagi setiap novel.  
v) Markah isi maksimum 6 markah. (maksimum 3 markah bagi setiap novel)  
vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.  
vii) Markah bahasa diberi secara *impression*  
Baik : 2 markah  
Lemah : 1 markah  
viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa .

**[Maksimum : 8 markah]**

**Soalan 4 (a) Tema**

**Novel Azfa Hanani:**

**i) Pengorbanan seorang remaja mengharungi pelbagai dugaan dalam penyamarannya demi membantu orang lain dan mencapai cita-citanya sendiri.**

- Azfa Hanani sanggup berkorban dengan menyamar sebagai Tengku Murni bagi membantu Datin Maziah yang mengalami tekanan jiwa.

- Azfa Hanani juga sanggup berkorban untuk membantu keluarga pak longnya dan dirinya sendiri

**ATAU**

**ii) Ketabahan seorang gadis dalam menghadapi cabaran dalam hidupnya.**

- Azfa Hanani tabah menghadapi segala ranjau dan cabaran dalam hidupnya bermula dengan kematian ibu bapanya dalam kemalangan menyebabkan dia menjadi anak yatim piatu dan tinggal dengan keluarga pak longnya.

**Novel Kembara Amira**

- Perasaan kasih sayang yang wujud dalam diri seseorang.

- Profesor Zaidah amat menyayangi anaknya Amira. Dia begitu cemas apabila diberitahu Amira hilang sebab dihanyutkan arus sungai.

- Tau amat menyayangi anaknya, Sabi yang telah dilarikan oleh isterinya, Ipah. Dia sanggup menculik Malique yang diyakini anak kandungnya.

- Amira menyayangi sahabat karibnya, Jacinta. Dia mengajak Jacinta menghabiskan masa cuti bersama-sama dengannya dan dia juga bimbang akan keselamatan Jacinta yang hilang ketika mencarinya.

## Soalan 4 (b) Latar tempat dalam dua buah novel

Azfa Hanani	Kembara Amira
<p><b>Makmal kimia</b> Azfa Hanani mengelamun memikirkan kesalahannya mencuri buku - Dia bimbang perbuatannya itu akan terbongkar.</p>	<p>Di dalam gerabak kereta api Amira dan Jacinta menaiki kereta api untuk ke Bukit Mat Raya. Amira ternampak Malique bersama seorang lelaki berkulit putih.</p>
<p><b>Bilik pengetua Sek. Men. Sri Dian</b> Azfa Hanani bertemu buat pertama kali dengan Tengku Mazran dan kak Finaz</p>	<p><b>Stesen Dahan Hijau</b> Amira dan Jacinta menunggu ketibaan Pak Lias untuk menjemput mereka ke Bukit Mat Raya.</p>
<p><b>Rumah pak long</b> Tempat Azfa Hanani dibesarkan selepas kematian ibu bapanya.</p>	<p><b>Bukit Mat Raya</b> Kawasan yang kaya dengan emas dan menjadi lokasi kajian arkeologi.</p>
<p><b>Sekolah Menengah Sri Dian</b> Sekolah lama Azfa Hanani semasa dia tinggal bersama-sama keluarga pak longnya di Kampung Merpati</p>	<p><b>Air Terjun Angin</b> Tempat Amira menunggu Malique untuk mendapatkan maklumat tentang lelaki bersama-sama Malique. Amira tergelincir dan dihanyutkan oleh arus sungai</p>
<p><b>Sekolah Menengah Taman Sari</b> Sekolah baharu Azfa Hanani ketika dia menyamar sebagai Tengku Murni.</p>	<p><b>Perkampungan orang asli</b> Tempat tinggal Tau, Itai dan Ludin</p>
<p><b>Banglo Datin Maziah</b> Tempat Azfa Hanani tinggal ketika menyamar sebagai Tengku Murni.</p>	<p><b>Puncak Gunung Gua Gajah</b> Tempat Tau menyembunyikan Malique. Tempat Amira, Pak Lias, Itai dan Roslan menemui Malique.</p>
<p><b>Institut Lingua Franca</b> Tempat Azfa Hanani belajar bahasa Inggeris dan Jepun</p>	<p><b>Hulu sungai</b> Tempat pembalok menjalankan aktiviti pembalakan</p>
<p><b>Hotel Universe</b> Azfa Hanani diberi tunjuk ajar oleh kak Finaz tentang cara hidup Tengku Murni.</p>	<p><b>Desa Karpus</b> Tempat projek cari gali dijalankan oleh Prof.Zaidah dan pelajar-pelajarnya</p>
<p><b>Lorong Kenari Kampung Teruntum</b> Tempat Tengku Muzaffar dan beberapa orang pemuda membina semula gerai burger Ekran yang terbakar</p>	<p><b>Pulau Pinang</b> Tempat O'hara mengadakan perbincangan tentang perlombongan emas bersama beberapa orang pelabur.</p>
<p><b>Dusun Pak Haji Arshad</b> Datuk Tengku Makmur sekeluarga datang bertemu Azfa Hanani</p>	<p><b>Hutan Bukit Mat Raya</b> Tempat kapal terbang Ridley terhempas dan Jidin menyelamatkan Jennifer.</p>